

Galakan Berbuat Kebaikan

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ. وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ. وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، أَنْزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةَ، وَغَشَّيَتْهُمُ الرَّحْمَةَ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ. وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang meringankan salah satu daripada kesusahan seorang mukmin di dunia, maka Allah akan meringankan salah satu daripada kesusahannya di hari kiamat. Barangsiapa yang memudahkan (membantu dalam masalah hutang) orang yang mendapat kesusahan (berhutang), maka Allah akan memudahkan baginya di dunia dan di akhirat. Allah menolong seorang hamba selagi hamba itu menolong saudaranya. Barangsiapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, Allah akan memudahkan baginya satu jalan ke syurga. Tidaklah satu kaum berkumpul di satu rumah (masjid) dari rumah-rumah Allah, mereka membaca al-Quran dan mempelajarinya bersama-sama, kecuali ketenangan akan turun kepada mereka, rahmat akan meliputi mereka dan malaikat mengelilingi mereka dan Allah memuji mereka di hadapan para malaikat-Nya. Barangsiapa yang amal solehnya sedikit, maka nasab (keturunan)nya tidak boleh mengangkat darjatnya.”

Riwayat Muslim dalam kitab “Zikir doa, taubat dan istighfar”
bab Kelebihan berkumpul membaca al-Quran dan berzikir (2699)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Hadis ini mempunyai banyak pengajaran yang dapat kita ambil, antaranya ialah:

1. Orang Islam adalah seperti satu jasad

Sesungguhnya individu dalam masyarakat Islam merupakan anggota kepada tubuh yang satu. Setiap anggota menjiwai perasaan orang lain. Dengan tu dia bersama-sama mereka dalam kegembiraan dan kesedihan. Mereka bersama-sama dalam kegembiraan apabila mereka mendapat kebahagiaan, kesenangan, ketenangan kesihatan dan lain-lain lagi. Manakala mereka bersama-sama dalam kesedihan apabila mereka menderita, mendapat kesakitan, ditimpa kemiskinan, kesempitan, kemelaratan dan kesusahan hidup.

2. Tolong-menolong di kalangan Muslimin dan sudah pasti pertolongan Allah SWT buat mereka

Sesungguhnya masyarakat tidak akan lurus dan stabil, tidak akan kuat dan kukuh kecuali jika ia dibina di atas dasar tolong-menolong ataupun bantu-membantu di antara individu. Oleh itu, setiap individu hendaklah berusaha memenuhi keperluan orang lain dengan jiwa, harta dan kedudukannya, sehinggalah semuanya merasakan bahawa mereka adalah seperti satu tubuh. Inilah yang dianjurkan oleh Islam dan diperintahkan oleh al-Quran. Manakala al-Sunnah pula menjadikannya sebagai lambang kepada masyarakat beriman.

3. Jika dia melihat seseorang sedang melakukan maksiat

Apabila seseorang melihat orang lain sedang melakukan maksiat, maka dia tidak boleh menyembunyikannya dan mengambil sikap berdiam diri. Tetapi dia dituntut supaya segera mencegahnya jika dia mampu berbuat demikian. Jika tidak, dia mesti membawa perkara tersebut kepada pemerintah dengan segera.

4. Syafaat kepada orang yang melakukan maksiat

Apabila seorang Muslim melakukan kesalahan, sedangkan dia tidak dikenal sebagai seorang yang sentiasa melakukannya dan masyarakat mengenalinya sebagai seorang yang istiqamah dan baik, maka orang lain digalakkan supaya menyembunyikan kesalahannya dan tidak memperbesar-besarkannya. Mereka juga hendaklah memberi syafaat kepadanya dan menjadi orang tengah untuk meminta maaf daripada mereka yang ada kaitan dengan kesalahan yang dilakukannya. Ini sekiranya kesalahan tersebut mempunyai hubungan dengan orang lain.

5. Tidak boleh memberi syafaat di hadapan pemerintah

Penjelasan mengenai syafaat sebelum ini adalah bagi mereka yang kesnya belum dihadapkan kepada pemerintah. Apabila kesnya sudah dibawa kepada pemerintah, maka memberi syafaat kepadanya adalah diharamkan. Menjadi orang tengah untuk meringan atau melepaskannya daripada hukuman adalah maksiat. Orang yang terlibat atau berusaha ke arah itu adalah berdosa. Ini menunjukkan betapa banyaknya faedah dan kelebihan daripada hadis di atas.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Hindarilah sesama manusia kecuali untuk perbuatan yang baik. Jadilah orang yang sentiasa berada di dalam rumah. Hadapilah hal-hal yang ada kepentingannya dengan diri anda. Kurangkan bercampur dengan orang ramai.
- ❖ **Pujangga berkata:** Solat di malam hari adalah keindahan di siang hari, senang melakukan kebaikan kepada sesama manusia adalah bahagian dari kesucian nurani dan menunggu jalan keluar dengan penuh sabar adalah ibadat.

Kisah Teladan

Rasulullah SAW mengumpulkan para sahabat. Pada waktu itu, Rasulullah SAW menyaksikan pertempuran yang seolah-olah ia berada di hadapannya. Namun pada waktu itu, Baginda berada di Ma'an, iaitu sebuah tempat di kawasan Jordan, tetapi Allah SWT telah memperlihatkan dunia ghaib bagi Baginda hingga bumi itu dekat dengan Baginda dan pertempuran seolah-olah berada di hadapannya. Manakala para sahabat dan para wanita berada di belakang masjid. Sedangkan budak-budak kecil mendengarkan pertempuran itu sepotong demi sepotong, satu cerita demi satu cerita daripada Baginda SAW.

Pada suatu ketika Baginda menangis, maka mereka pun turut menangis, Baginda memberikan berita gembira dan berita duka. Baginda menyaksikan pertempuran mereka dengan mata kepala sendiri, Baginda bersabda: *“Zaid telah memegang bendera, namun dia terbunuh, lalu Jaafar memegang bendera tersebut dan dia juga terbunuh, kemudian Ibn Rawahah memegang bendera dan juga terbunuh, akhirnya bendera tersebut dipegang oleh orang yang disebut dengan ‘Pedang Allah’ dan hingga Allah SWT memberi kemenangan kepada mereka.”*

Begitulah kejadian peperangan, tiga orang komandan yang dicadangkan telah terbunuh, manakala kepimpinan berlaku seperti yang direncanakan hingga para sahabat berkumpul untuk berbincang dan menetapkan Khalid bin Walid untuk menjadi pemimpin mereka. Baginda SAW berkata: *“Tiga orang komandan telah terbunuh, aku melihat mereka telah ditawan dengan tawanan emas hingga mereka sekarang masuk ke dalam syurga.”*

Khalid bin Walid memegang bendera kepimpinan (tanpa diperintah), dia adalah pedang yang dihunus oleh Allah SWT untuk menghadapi orang-orang musyrik. Oleh sebab itu, mulai sejak itu, ia disebut dengan *Pedang Allah yang terhunus*.

Khalid bin Walid adalah panglima perang yang tidak pernah dikalahkan pada masa jahiliyah dan pada masa Islam. Dia hadir dalam peperangan pada masa Islam sebanyak antara seratus peperangan dan pertempuran. Tiada satu pertempuran yang dia ikuti kecuali dia terpukul atau tertusuk atau terkena lemparan anak panah pada tubuhnya. Di dalam Perang Mu'tah, dia berkata kepada para sahabat: *“Berikan pedang kepadaku.”* Maka mereka memberikan pedang kepadanya, lalu dia berkata: *“Berlindunglah kalian di belakangku.”* Dia adalah orang yang kuat, memiliki badan yang tinggi dan dia bertempur seperti bertempurnya seorang wira.

Ibn Kathir, al-Zahabi dan ahli sejarah yang lain berkata: *“Pedangnya yang pertama patah, lalu dia mendapatkan pedang yang kedua, ia pun patah di tangannya hingga dia menggunakan pedang yang kesembilan.”*

Kemudian dia mengumpulkan orang-orang Islam dan berkata: *“Kita wajib mengembalikan kedudukan kita,”* akan tetapi dia kembali berkata: *“Kita tidak boleh berundur dengan terang-terangan hingga pasukan Rom tidak bertemu dengan kita, apabila mereka tahu tentang hal ini. Bergeraklah kalian pada malam ini dan jadikan pasukan yang di hadapan menjadi pasukan yang di barisan belakang, serta jadikan yang berada di sebelah kanan menjadi pasukan yang berada di sebelah kiri.”*

Dia mengutus seratus pasukan berkuda dari para sahabat, lalu dia berkata kepada mereka: *“Masuklah kalian sepuluh, sepuluh dan kita sangat mengalu-alukan kedatangan kalian seolah-olah kalian datang jauh dari Madinah.”* Mereka pergi keluar dari sebalik gunung, maka pada waktu pagi, dia telah mengubah pasukan yang asalnya di sebelah kanan menjadi di sebelah kiri dan yang asalnya di bahagian hadapan sekarang menjadi di bahagian belakang, dan dia telah menerima sepuluh pasukan berkuda yang sudah lengkap dengan pedang mereka, kemudian para sahabat berkata: *“Allahu Akbar, Allahu Akbar!”*

Ketika mereka sampai di posisinya, maka debu tanah telah berterbangan hingga akhirnya datang sepuluh pasukan berkuda yang lain. Orang ramai pun melaungkan takbir sehingga sepuluh pasukan berkuda yang lainnya datang kembali. Pasukan Rom berkata: *“Mereka telah mendatangkan tentera bantuan dari Madinah, tiga ribu tentera yang berhadapan dengan kita dan telah membuat kesulitan bagi kita, bagaimana dengan tentera tambahan yang datang tersebut?”* Maka mereka telah melarikan diri dan Khalid bin Walid dapat merebut kembali posisi tentera Islam. Dia adalah di antara *Pedang Allah*, Allah SWT telah menghunus pedang tersebut untuk mengalahkan orang-orang Musyrik.